

# Dialog PM, wakil pelajar IPTA di UUM

6 MAY 2007

**SINTOK:** Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berdialog dengan kira-kira 400 pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam Konvensyen MPP IPTA, di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, esok.

Dialog berkenaan bertujuan memberi penjelasan kepada pemimpin pelajar mengenai pelbagai isu semasa, peranan MPP IPTA dalam pembentukan pelajar bersahsiah tinggi dan hala tuju kepimpinan MPP dalam menentukan kesinambungan pembangunan negara.

Selain sesi khas dialog berkenaan, pemimpin MPP juga diberikan peluang berdialog dengan pensyarah pelbagai IPTA, termasuk mengenai pembabitan pelajar dalam politik kampus dan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNCHEP) UUM, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, berkata program sulung anjuran Sekretariat Timbalan Naib Canselor dengan kerjasama Biro Tatane-gara (BTN) juga bertujuan menedahkan pelajar IPTA kepada pelbagai perkara berkaitan keselamatan negara.

"Pelbagai isu semasa harus didedahkan kepada pelajar. Forum ini adalah pertemuan terbuka antara pemimpin MPP dengan pentadbiran universiti.

"Acara kemuncaknya ialah peluang berdialog dengan Perdana Menteri bagi membolehkan mereka memperoleh maklumat tepat secara terus daripada beliau," katanya ketika ditemui di UUM, di sini, semalam.

Konvensyen selama tiga hari itu bermula petang semalam.

Pada hari pertama, pelajar mengikuti sesi perbincangan mengenai politik kampus yang dikendalikan TNCHEP Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah dan Ketua Pengarah Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Zakaria Abdul Hamid.